

# Kes buang bayi perlu ditangani secara bersepadu, kata Azizah

NST 09.12.2011 3

KOTA KINABALU: Kes pembuangan bayi adalah penyakit sosial yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu, kata Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Azizah Mohd Dun.

Sehubungan itu beliau berharap seminar Semurni Kasih itu dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai terutamanya para pelajar untuk sama-sama menanganginya.

Katanya, pihak kementeriannya mahu mendengar pandangan ahli masyarakat pelbagai peringkat mengenai isu ini sebelum tindakan bersepadu dilakukan.

"Saya berharap melalui seminar ini, satu resolusi dapat dihasilkan bagi membantu

kerajaan menilai serta mempertimbangkan langkah-langkah yang wajar dan komprehensif serta bersepadu untuk mengatasi isu pembuangan bayi di negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Seminar Semurni Kasih di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, kelmarin.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Asnimar Sukardi, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah Datuk Siti Sapoo Ahok dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Datuk Prof. Madya Dr Kassim Hj. Mansur.

Azizah berkata, isu pembuangan bayi wujud hasil daripada masalah lain yang wujud sebelumnya. Ini disebabkan oleh penyakit sosial yang mencerminkan kerapuhan pegangan agama dan ketandusan nilai kemanusiaan segelintir masyarakat sehingga keliru antara amalan mulia dan berdosa.

"Pergaulan bebas, pengaruh dadah, capaian yang mudah terhadap bahan-bahan lucu dan pengaruh kawan adalah antara punca daripada perbuatan itu," katanya.

Beliau berharap seminar itu yang disertai pemimpin-pemimpin kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat, ibu bapa, pelajar institusi pengajian ting-

gi dan masyarakat umum dapat mengetengahkan kaedah menangani masalah gadis yang hamil luar nikah dan pembuangan bayi menggunakan pendekatan harm reduction.

"Saya percaya fenomena pembuangan bayi berlaku disebabkan gadis yang hamil luar nikah terbiar sendirian tanpa diberi perhatian, dikawal dan dibimbing sehingga mereka melahirkan bayi mereka.

"Isu ini merupakan satu isu yang rumit untuk dibincangkan kerana ia melibatkan undang-undang dan menyentuh nilai budaya serta agama. Namun betapa rumit sekali pun, isu ini perlu dibincangkan. Kita perlu mencari jalan keluar yang sesuai dan direstui oleh semua pihak," katanya.

Katanya, kementeriannya mengambil berat isu itu dengan melaksanakan pelbagai program kekeluargaan dan memperkasakan institusi kekeluargaan.

"Dibawah Majlis Pembangunan Masyarakat Sabah (MPMS), satu Pusat Sukarelawan Sabah (PSS) ditubuhkan yang mensasarkan kumpulan generasi muda untuk terlibat dalam program-program sosial yang berfaedah pada masa lapang.

"Saya berharap kempen yang kita laksanakan ini akan diteruskan sehinggalah fenomena pembuangan bayi benar-benar dapat dibendung," katanya.—OLEH MARRYAN RAZAN—marryan@news-abahtimes.com.my



CENDERA HATI ... Azizah (tiga dari kanan) menerima cendera kenangan daripada Dr.Kassim.